

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2008**

---

**SENARAI TAMBAHAN KELAYAKAN YANG DIKTIRAF OLEH KERAJAAN  
YANG PERLU DIGUNAKAN DALAM URUSAN PELANTIKAN KE DALAM  
PERKHIDMATAN AWAM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan semua Pihak Berkuasa Melantik senarai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan yang perlu diguna pakai dalam urusan pelantikan ke jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam atau menawarkan kursus pra-perkhidmatan.

**LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2002 bertajuk *Senarai Kelayakan Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan Yang Perlu Digunakan Dalam Urusan Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam*. Pekeliling berkenaan memaklumkan perlunya Pihak Berkuasa Melantik menyemak status pengiktirafan kelayakan calon-calon dalam urusan pelantikan ke jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam seperti yang disyaratkan dalam skim-skim perkhidmatan. Sejak dari tarikh tersebut senarai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan telah dikemaskini dan dipaparkan di laman web [www.jpa.gov.my/](http://www.jpa.gov.my/) *pengiktirafan kelayakan* dan tidak lagi diterbitkan dalam bentuk buku. Senarai kelayakan ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa selepas Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan

yang dipengerusikan oleh Y. B Menteri Pengajian Tinggi. Dengan cara ini diharapkan akan memudahkan semua Pihak Berkuasa Melantik, membuat semakan senarai yang kemaskini.

### **TATACARA SEMAKAN STATUS PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN**

3. Jabatan ini mendapati terdapat Pihak Berkuasa Melantik seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Pasukan Polis, dan lain-lain telah melaksanakan peraturan tersebut dengan baik. Mereka telah membuat semakan sendiri berpandukan kepada senarai yang dipaparkan di laman web dan jika terdapat keraguan merujuknya kepada Unit Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam ( JPA ). Kaedah ini memudahkan calon-calon kerana mereka tidak perlu diminta mendapatkan surat pengesahan pengiktirafan kelayakan dari JPA .

4. Sehubungan ini semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang mengiklankan jawatan kosong, membuat panggilan temuduga, menawarkan latihan pra-perkhidmatan dan kursus-kursus tertentu hendaklah membuat semakan status kelayakan yang dimiliki calon dengan senarai yang dipaparkan di laman web yang dinyatakan di para 2 di atas. Dengan demikian semua Kementerian, Jabatan, dan Agensi Kerajaan adalah diarah tidak mensyaratkan pemohon menyertakan surat pengesahan pengiktirafan kelayakan dari Jabatan Perkhidmatan Awam. Sekiranya terdapat masalah untuk menyemak sesuatu kelayakan, Pihak Berkuasa Melantik, Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan hendaklah merujuk kepada Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam.


### **TARIKH KUATKUASA**

5. Tarikh kuatkuasa surat pekeliling ini ialah pada tarikh ianya dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

28 Februari 2008

Diedarkan kepada :

Semua Pihak Berkuasa Melantik  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan